KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP




24 JAM

# BERITA KPDN

## KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

***Untuk makluman:***

- *YB Menteri*
- *YB Timbalan Menteri*
- *YBhg. KSU*
- *YBhg. TKSU (PPDN)*
- *YBhg. TKSU (PP)*
- *Setiausaha Akhbar*

***Tarikh:*** **3 OKTOBER 2024**

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR

## KPDN

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Kosmo! SUARA KONTEMPORARI

HARI: KHAMIS
TARIKH: 3/10/2024
M/SURAT: 16



Topi keledar bernilai RM54,000 disita KPDN

# Pemborong jual 216 helmet ARAI ciplak

Oleh SAFINA RAMLI



PENGUAT Kuasa KPDN Pulau Pinang memeriksa barangan di premis yang disyaki menjual helmet tiruan di Sungai Bakap, Nibong Tebal semalam.

GEORGE TOWN – Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Pulau Pinang menyita 216 unit topi keledar tiruan berjenama ARAI selepas menyerbu sebuah premis di Sungai Bakap, Nibong Tebal, dekat sini semalam.

Pengarahnya, S. Jegan berkata, serbuan dilakukan KPDN bersama wakil pemilik hak cipta di premis yang disyaki menjual barangan salinan langgaran karya seni ARAI.

Katanya, premis terbabit didapati menjalankan perniagaan sebagai pemborong helmet dan aksesori motosikal.

"Hasil serbuan dan pemeriksaan yang dijalankan ke atas premis tersebut berjaya menemukan sejumlah topi keledar dalam milikan yang disyaki adalah salinan langgaran karya seni.

"Sebanyak 216 unit topi keledar jenama MHR yang mengandungi tanda karya seni 'ARAI' disita dan jumlah sitaan dianggarkan bernilai RM54,000," katanya di sini semalam.

Katanya, kes disiasat di bawah Akta Hak Cipta 1987 dan KPDN Pulau Pinang ingin memberi amaran keras terhadap mana-mana individu atau syarikat supaya sentiasa mematuhi perundangan yang telah ditetapkan.

"Mana-mana orang yang melakukan kesalahan boleh diambil tindakan di bawah Akta Hak Cipta 1987," katanya.

Tegasnya, jika disabitkan kesalahan pesalah boleh didenda tidak kurang daripada RM2,000 dan maksimum RM20,000 bagi setiap salinan langgaran, atau dipenjarakan bagi suatu tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya sekali.

"Dalam pada itu, bagi apa-apa kesalahan yang berikutnya didenda tidak kurang daripada RM4,000 dan tidak lebih daripada RM40,000 bagi setiap salinan langgaran atau dipenjarakan bagi suatu tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya sekali," katanya.

Sehubungan itu, katanya, masyarakat juga diseru supaya menjadi mata dan telinga bagi menyalurkan maklumat kepada pihak berkuasa berhubung aktiviti memiliki salinan langgaran tanpa kebenaran oleh pemilik karya.

Sementara itu, orang ramai boleh menyalurkan aduan dan maklumat kepada pihak Kementerian melalui saluran WhatsApp **019-848 8000** atau **019-279 4317** dan Portal Aduan *e-aduan.kpdn.gov.my* atau menghubungi Call Centre di talian **1-800-886-80**.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Kosmo! SUARA KONTEMPORARI

HARI: KHAMIS
TARIKH: 3/10/2024
M/SURAT: 16

# Mekanik ingkar perintah TTPM didenda RM5,000

**IPOH** – Seorang mekanik didenda RM5,000 oleh Mahkamah Majistret, di sini kerana gagal mematuhi award perintah Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia (TTPM) supaya membayar tuntutan berjumlah RM6,750 kepada seorang pensyarah dua tahun lalu.

Muhamad Zamzam Mohd. Razali, 38, selaku orang kena saman (OKS) juga berdepan hukuman penjara lima bulan jika gagal membayar denda berkenaan.

Majistret Farah Nabihah Muhamad Dan menjatuhkan hukuman tersebut selepas mendapati pihak pendakwaan berjaya membuktikan kes melangkaui keraguan munasabah.

Lelaki itu didakwa telah gagal untuk mematuhi perintah TTPM (No.TTPM-A-(P)-161-2021) yang dikeluarkan pada 27 September 2022 yang memerintahkan supaya membayar RM6,750 kepada pihak yang menuntut dalam tempoh 14 hari dari tarikh award diserahkan.

Kesalahan itu didakwa dilakukan di Pejabat TTPM, Lot 23, Bangunan UTC Perak, Jalan Dato' Onn Jaafar di dalam daerah Kinta pada 10 Oktober 2022.

Muhamad Zamzam didakwa mengikut Seksyen 117(1) Akta Perlindungan Pengguna 1999 yang memperuntukkan hukuman denda maksimum RM10,000 atau penjara maksimum dua tahun atau kedua-duanya jika sabit kesalahan.



MUHAMAD ZAMZAM

Pendakwaan dikendalikan Pegawai Pendakwa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Perak, Muhammad Ridzuan Abd. Rahim, manakala OKS tidak diwakili peguam.

Sementara itu, Pengarah KPDN Perak, Datuk Kamalludin Ismail berkata, tuntutan terhadap OKS itu difailkan pengadu berhubung kegagalan lelaki itu yang juga mekanik menyiapkan pembaikan kenderaan pengadu seperti mana yang dijanjikan.

Katanya, satu award telah dikeluarkan TTPM Perak melalui Borang 8 iaitu pihak penentang telah diperintahkan membayar jumlah tuntutan sebanyak RM6,750 kepada pengadu dalam tempoh 14 hari dari tarikh award diserahkan.

"Penentang telah gagal mematuhi award yang diperintahkan dan pada 1 Disember 2022, penentang telah dituduh di mahkamah atas tersebut.

"Penentang tidak mengaku bersalah atas pertuduhan itu dan mohon dibicarakan.

"Namun, mahkamah hari ini telah mendapati pihak pendakwaan berjaya membuktikan kes melangkaui keraguan yang munasabah dan penentang dikenakan hukuman denda," ujarnya.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

# Mekanik didenda RM5,000

**IPOH** - Seorang mekanik dikenakan denda RM5,000 oleh Mahkamah Majistret Ipoh selepas gagal mematuhi award perintah Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia (TTPM) membayar tuntutan berjumlah RM6,750 kepada seorang pensyarah, dua tahun lalu.

Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Perak, Datuk Kamalludin Ismail berkata, hukuman tersebut diputuskan oleh Majistret Farah Nabihah Muhamad Dan pada Selasa, terhadap Muhamad Zamzam Mohd Razali, 28, selaku orang kena saman (OKS).

Menurutnya, mahkamah membuat keputusan itu selepas pihak pendakwaan diketuai Pegawai Pendakwa KPDN Perak, Muhammad Ridzuan Abd Rahim berjaya membuktikan kes melangkaui keraguan yang munasabah.

"Dalam kes ini, OKS didapati bersalah di bawah Seksyen 117 (1) Akta Perlindungan Pengguna 1999. Selain hukuman denda RM5,000, mahkamah turut menetapkan penjara lima bulan sekiranya OKS gagal membayar denda," katanya pada Rabu.

Beliau berkata, tuntutan terhadap Muhamad Zamzam difailkan berikutan kegagalan lelaki itu selaku mekanik menyiapkan pembaikan kenderaan pengadu seperti dijanjikan.

Katanya, award dikeluarkan TTPM Negeri Perak melalui Borang 8, yang mana Muhamad Zamzam diperintah membayar RM6,750 kepada pengadu.

Utusan Borneo online

HARI: KHAMIS
TARIKH: 3/10/2024
M/SURAT: 3

# Mekanik didenda RM5,000

**IPOH:** Seorang mekanik bengkel kereta didenda RM5,000 oleh Mahkamah Majistret di sini kelmarin setelah gagal membayar tuntutan seorang pengguna yang mendakwa mekanik itu tidak menyiapkan pembaikan kenderaan sebagaimana dijanjikan dua tahun lepas.

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Perak dalam kenyataan memaklumkan Muhamad Zamzam Mohd Razali, 28, dijatuhkan hukuman itu oleh Majistret Farah Nabihah Muhamad Dan setelah gagal menyerahkan jumlah tuntutan sebanyak RM6,750 kepada pengadu dalam tempoh 14 hari dari tarikh award diserahkan.

Terdahulu, satu award telah dikeluarkan Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia (TTPM) Negeri Perak iaitu Muhamad Zamzam telah diperintahkan membayar jumlah tuntutan berkenaan kepada pengadu. — Bernama

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Utusan Borneo online

HARI: KHAMIS
TARIKH: 3/10/2024
M/SURAT: 7

# KPDN rampas 216 topi keledar tiruan bernilai RM54,000

NIBONG TEBAL: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Pulau Pinang merampas 216 unit topi keledar bernilai RM54,000 yang dipercayai menggunakan tanda karya seni 'arai' tiruan dalam serbuan di sebuah premis perniagaan di Sungai Bakap, kelmarin.

Pengarah Penguatkuasa KPDN Pulau Pinang, S. Jegan, berkata operasi dijalankan bersama wakil pemilik hak cipta selepas premis pemborong topi keledar dan aksesori motosikal itu disyaki menjual topi keledar yang memaparkan tanda 'arai' palsu, bukan keluaran asli pemilik hak cipta.

"Hasil serbuan dan pemeriksaan di premis berkenaan, kami menemukan 216 unit topi keledar dengan tanda karya seni 'arai' yang dianggarkan bernilai RM54,000, dan kesemua barang tersebut disyaki tiruan," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Beliau berkata, pihaknya telah merekodkan keterangan pemilik premis itu untuk siasatan lanjut dan kes tersebut disiasat di bawah Akta Hak Cipta 1987.

KPDN Pulau Pinang turut mengeluarkan amaran keras kepada individu atau syarikat yang terlibat agar mematuhi peraturan undang-undang yang ditetapkan. Tindakan tegas akan diambil terhadap mana-mana pihak yang didapati melanggar undang-undang. — Bernama

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Utusan Borneo online

HARI: KHAMIS
TARIKH: 3/10/2024
M/SURAT: 10

# Mekanik didenda RM5,000

IPOH: Seorang mekanik bengkel kereta didenda RM5,000 oleh Mahkamah Majistret di sini kelmarin setelah gagal membayar tuntutan seorang pengguna yang mendakwa mekanik itu tidak menyiapkan pembaikan kenderaan sebagaimana dijanjikan dua tahun lepas.

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Perak dalam kenyataan memaklumkan Muhamad Zamzam Mohd Razali, 28, dijatuhkan hukuman itu oleh Majistret Farah Nabihah Muhamad Dan setelah gagal menyerahkan jumlah tuntutan sebanyak RM6,750 kepada pengadu dalam tempoh 14 hari dari tarikh award diserahkan.

Terdahulu, satu award telah dikeluarkan Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia (TTPM) Negeri Perak iaitu Muhamad Zamzam telah diperintahkan membayar jumlah tuntutan berkenaan kepada pengadu. — Bernama

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

# BERITA ONLINE
## KPDN

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

| BERITA ONLINE BERTARIKH 3 OKTOBER 2024 | | | |
|---|---|---|---|
| TARIKH | TAJUK | PAUTAN | MEDIA |
| 3-Oct | 216 topi keledar Arai tiruan disita | https://www.sinarharian.com.my/article/688736/berita/semasa/216-topi-keledar-arai- | SINAR HARIAN |
| 3-Oct | 216 topi keledar Arai 'copy ori' bernilai RM54,000 disita | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/10/1139944/216-topi-keledar-arai-copy-ori- | HARIAN METRO |
| 3-Oct | KPDN P.Pinang rampas 216 topi keledar 'Arai' ciplak | https://malaysiagazette.com/2024/10/02/kpdn-p-pinang-rampas-216-topi- | MALAYSIA GAZETTE |
| 3-Oct | 216 topi keledar ARAI tiruan kena sita | https://www.kosmo.com.my/2024/10/02/216-topi-keledar-arai-tiruan-kena-sita/ | KOSMO |
| 3-Oct | Guna tanda karya seni tiruan, lebih 200 topi keledar dirampas | https://berita.rtm.gov.my/jenayah/senarai-berita-jenayah/senarai-artikel/guna-tanda-karya-seni-tiruan-lebih-200-topi-keledar-dirampas | BERITA RTM |
| 3-Oct | KPDN P.PINANG RAMPAS 216 TOPI KELEDAR ARAI TIRUAN BERNILAI RM54,000 | https://www.bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2346878 | BERNAMA |
| 3-Oct | 216 helmet ARAI tiruan bernilai RM54,000 dirampas | https://www.utusan.com.my/nasional/2024/10/216-helmet-arai-tiruan-bernilai- | UTUSAN MALAYSIA |
| 3-Oct | 216 fake 'Arai' motorcycle helmets seized in Sungai Bakap | https://www.nst.com.my/news/crime-courts/2024/10/1113821/216-fake-arai-motorcycle-helmets-seized-sungai-bakap | NEW STRAITS TIMES |

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

| | | | |
|---|---|---|---|
| 3-Oct | Penang KPDN seizes counter-feit 'Arai' helmets worth RM54,000 | https://thesun.my/local-news/penang-kpdn-seizes-counterfeit-arai-helmets-worth-rm54000-KE13068002 | THE SUN |
| 3-Oct | 216 topi keledar 'arai' tiruan dirampas | https://www.buletintv3.my/nasional/216-topi-keledar-arai-tiruan-dirampas/ | BULETIN TV3 |
| 3-Oct | KPDN Pulau Pinang rampas 216 topi keledar ARAI bernilai RM54,000 | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kpdn-pulau-pinang-rampas-216-topi-keledar-arai-bernilai-rm54-000-490098 | ASTRO AWANI |
| 3-Oct | KPDN rampas 216 topi keledar 'ARAI' tiruan | https://www.tvsarawak.my/2024/10/02/kpdn-rampas-216-topi-keledar-arai-tiruan/ | TV SARAWAK |
| 3-Oct | Mekanik bengkel kereta diden-da, gagal patuh award TTPM | https://mgperak.com/mekanik-bengkel-kereta-didenda-gagal-patuh-award-ttpm/ | MALAYSIA GAZETTE PERAK |
| 3-Oct | Mekanik didenda RM5,000 ga-gal patuhi award tribunal | https://www.kosmo.com.my/2024/10/02/mekanik-didenda-rm5000-gagal-patuhi-award-tribunal/#google_vignette | KOSMO |
| 3-Oct | Mekanik didenda RM5,000 ga-gal patuhi perintah Tribunal Tuntutan Pengguna | https://www.utusan.com.my/nasional/2024/10/mekanik-didenda-rm5000-gagal-patuhi-perintah-tribunal-tuntutan-pengguna/ | UTUSAN MALAYSIA |
| 3-Oct | Mekanik didenda RM5,000 ga-gal patuhi award TTPM | https://www.sinarharian.com.my/article/688765/berita/semasa/mekanik-didenda-rm5000-gagal-patuhi-award-ttpm | SINAR HARIAN |
| 3-Oct | GAGAL BAIKI KENDERAAN PELANGGAN SEBAGAIMANA PERJANJIAN, MEKANIK DIDENDA RM5,000 | https://www.bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2346979 | BERNAMA |
| 3-Oct | 25 notis kompaun dikeluarkan ke atas tiga premis makanan | https://malaysiagazette.com/2024/10/02/25-notis-kompaun-dikeluarkan-ke-atas-tiga-premis-makanan/ | MALAYSIA GAZETTE |
| 3-Oct | MBPP keluar 25 kompaun ter-hadap 3 premis makanan | https://www.utusan.com.my/nasional/2024/10/mbpp-keluar-25-kompaun-terhadap-3-premis-makanan/ | UTUSAN MALAYSIA |

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT